

01/09/2002

Kembara Puisi di Segamat meriah

Marsli NO

SELEPAS pelancarannya disempurnakan oleh Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman yang juga sekali gus selaku penaung acara bertempat di Tanjung Sedili pada malam 1 Jun yang lalu, Kembara Puisi Darul Takzim 2002 mengorakkan pula kembara keduanya ke Segamat.

Acara dengan tema perjuangan sepanjang hayat ini adalah anjuran kerajaan negeri Johor serta kerjasama Berita Harian dan adalah lanjutan Kembara Puisi Darul Takzim 2001 yang mana perasmiannya serta langkah pertamanya berlangsung pada 18 Februari 2001 di Saujana, kediaman rasmi Menteri Besar Johor. Sepanjang 2001 acara ini mendapat sambutan yang menggalakkan di daerah-daerah yang dikunjungi. Di Kluang seramai 3,000 penonton, Mersing (2,000), Batu Pahat (50), Muar (500), Kota Tinggi (200), Pontian (200) dan Segamat (200).

Seperti ditegaskan oleh Abdul Ghani dalam ucapannya ketika majlis pelancaran acara di Tanjung Sedili, tema ini ini dipilih kerana "perjuangan membangun agama, bangsa dan tanah air kita tidak ada batas waktu dan musimnya. Perjuangan yang tidak pernah kenal lelah itu, dulu kini mahupun akan datang, paksinya tetap sama iaitu agama dibantu oleh tradisi budaya yang menjadi warisan kita bersama."

Di Segamat, acara ini di langungkan di Taman Batu Hampar dan meski pun berdekatan dengan jalan raya serta diselingi riuh deru jentera kenderaan, namun suara penyair yang tampil ke pentas tetap lantang berkumandang mengucapkan baris demi baris puisi.

Begitu juga penonton, meski kumpulan Koprata yang namanya terpampang di sepanduk dimaklumkan berhalangan datang kerana masalah komunikasi, tetap juga tidak berganjak sehinggalah acara usai.

Acara dimulakan selepas waktu Asar dengan tarian Zapin oleh gabungan penari lelaki dan wanita daripada Majlis Kebudayaan Daerah di bawah pimpinan Yahya Saip. Perasmiannya pula disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Guna Tenaga, Belia, Sukan dan Kebudayaan Johor, Ahmad Zahari Jamil.

Ahmad Zahari dalam ucapan perasmiannya selain kembali menegaskan mengenai persoalan perjuangan untuk menegakkan martabat bangsa perlu sentiasa dimarakkan kesedarannya dan ini diusahakan salah satu caranya melalui acara baca puisi.

Justeru itu jugalah, tegas beliau lagi, betapa acara di Segamat ini sengaja lokasinya dipilih di taman dan bukannya di dalam dewan yang tertutup semata-mata kerana ingin mendedahkan puisi kepada khalayak yang lebih luas dan semoga angin kesedaran yang cuba ditiupkan itu lebih pantas ke hati khalayak.

Usai berucap, Ahmad Zahari yang juga Adun Seri Medan, memantifestasikan kebenaran ucapan serta keyakinannya betapa puisi dapat dijadikan wadah memupuk kesedaran patriotik di kalangan khalayak dengan deklamasi puisi Tanah Airku karya Usman Awang:

Engkau Tanah air, pemilik perut yang berbudi,
Penampung hujan, penyedut sinar matahari,
Lahirlah anak-anakmu dari semaian-semaian petani.
Engkau, ibu murni, dengan jasa abadi,
Berdetik di denyut nafas kami,
Kerana kita adalah satu dan sama dipunyai.
Telah kurasa segala seperti kami,
Dalam kengerian perang dadamu dibongkar besi,

Di mana-mana wajahmu tidak pernah mati.....

Jika ketika acara perasmiannya di Tanjung Sedili lebih ramai penyair jemputan yang tampil, tetapi di Segamat kali ini peluang lebih banyak diberikan kepada deklamator tempatan untuk menampilkan bakat deklamasi masing-masing.

Pertama tampil ialah Alias Abdul Rahman, seorang ustaz dari Kelantan yang kini mengajar di sebuah sekolah di bandar Segamat membacakan puisi Sabda Perdana karya Abham TR Alias adalah johan sayembara deklamasi puisi peringkat daerah Segamat yang baru berlangsung.

Selain Alias, tampil juga Sufian Hashim membacakan puisi Kitalah Tuan karya Hashim Yacob, Norzana Omar dengan puisi Menelusuri Sungai Merdeka karya Shahrinizam Abd Mutalib dan Nazirah Abd Ghani pula membacakan puisi Perjuangan yang Belum Selesai. Adik Siti Fatimah Kunju Mohamad pula tampil dengan pidatonya.

Suasana petang bagaikan sekejap dibauri haru bila Kadariah Daud, seorang lagi deklamator tempatan tampil dengan puisi ciptaannya sendiri berjudul Bingkisan Untuk Dr. Mahathir Mohamad. Kadariah, sebelum memulakan bacaannya secara terus terang mengakui betapa puisi ini diciptakannya sebagai reaksi terhadap peristiwa pengumuman perletakan jawatan Dr. Mahathir Mohamad di PWTC.

Sebagai suatu rakaman peristiwa, Kadariah dengan suaranya yang sebak dan lelehan air mata di kedua belah pipi menggambarkan betapa pengumuman tersebut menjadikan:

Tiba-tiba Melayu terpegun
Termangu, terpukau, tercengang
Bagai diserang geroda
Bagai kilat menyambar
Bagai dipukul dek puting beliung
Mata digosok, telinga dirasa
Muka diseka
Apakah benar bagai didengar
Apakah betul bicaranya
Atau satu gurauan seperti biasa
Menculik hati para sidang di PWTC.....
Terkejut dari lamunan
Tersedar dari igauan ngeri
Perdana Menteri yang dikasihi
Akan pergi
Pergi meninggalkan kami bangsanya
Meninggalkan bangsa melayu
Yang gah pada rupa, tapi layu pada ertinya
Jangan Mahathir, jangan kau pergi
Tinggalkan kami yang masih terkial-kial
Mencari erti sebuah bangsa yang bermaruah.....

Walau pun agak jarang disebut, namun suatu hakikat yang tidak dapat dinafikan ialah di daerah Segamat sebenarnya bermukim seorang novelis yang terkenal dengan karyanya seperti Saga dan Warisan. Novelis yang dimaksudkan itu ialah Abdul Talib Hassan. Sebagai tanda sokongannya, walau pun lebih terkenal sebagai novelis, Abdul Talib turut sama hadir dan sudi pula tampil ke pentas.

Ketika ditemui sebelum acara bermula Abdul Talib mengaku tidak pandai membaca puisi di pentas. Tetapi ketika sudah di pentas, agak mengejutkan juga bila puisi "Kekasih" karya Usman Awang dibaca dan diselinginya pula dengan nyanyian menurut cara dan gayanya yang tersendiri.

Gunawan Mahmood yang sanggup berpayah datang dari Johor Bahru tampil dengan puisinya Malaysiaku Malaysiamu. Sekilas, selain menyatakan keindahan dan keharmonian negerinya, Gunawan turut menyentuh di dalam

puisinya mengenai sikap segelintir warga negara tercinta ini yang sanggup memilih jalan songsang:

Malaysiaku adalah negeri damai
Sarat santun sirat tamadun
Menghormati leluhur yang pergi
dan orang-orang tau yang berjasa
Sejarah adalah peta pandu
Di mana kita saling menimbang
Kewarasan ditinggikan
Emosi ditenggelamkan....
Malaysiaku adalah negeri indah
penuh kebajikan.....
Malaysiamu adalah negeri rusuhan
Tanah gersang dan hutan terbakar
Tokoh-tokoh berdosa dibela
Tokoh-tokoh sederhana dicerca
Parlimen di jalanan
Jerit pekik dilagukan
Caci maki dihamburkan.....

Dari Batu Pahat pula, Shapiai Mohd Ramly juga sanggup berpayah datang sebagai tanda sokongannya terhadap acara ini. Shapiai tampil ke pentas dengan puisinya Kecantikan Bijaksana yang intinya antara lain menyatakan penghargaan beliau terhadap seorang insan bergelar pemimpin:

Sebenarnya kau telah memilih
kecantikan bijaksana
dengan kekuatan minda
dan kejelasan visi
kau cipta sebuah dunia
Melayu